

**TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

MAJLIS MENANDATANGANI MOA ANTARA UTeM DAN UMS

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

**24 Julai 2024 / 8.00 malam
Hotel Marriot, Kota Kinabalu**

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya, dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UTeM dan UMS bagi projek kajian baja padi (Mikrob).**

2. Untuk makluman semua, projek kerjasama ini telah **dirancang dari tahun lepas** ketika lawatan dari pihak UTeM ke UMS. Alhamdulillah pada hari ini Memorandum Perjanjian (MOA) dapat ditandatangani dengan kehadiran dari Lembaga Pengarah Universiti (LPU) masing-masing. Ini merupakan satu permulaan dan indikator yang sangat baik.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

3. Untuk makluman bersama, **projek Mikrob yang telah dicipta oleh salah seorang dari penyelidik di UTeM iaitu Dr. Muhammad Zulfattah bin Zakaria (mohon berdiri) adalah melibatkan kepakaran dalam bidang pertanian.**

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal. Oleh yang demikian, kami memerlukan pakar dalam bidang sains pertanian dan juga makanan untuk kajian secara saintifik dan lebih terperinci berkenaan dengan Mikrob ini.

4. Sewaktu lawatan ke UMS pada tahun lepas, kami telah dimaklumkan berkaitan dengan **Fakulti Pertanian Lestari dan tenaga pakar yang diperoleh.** Memandangkan perancangan UTeM untuk membuka Learning Center di Sabah, adalah wajar untuk kami mulakan dengan **menjalinkan satu hubungan yang baik bersama dengan universiti di sini.** Dari situlah kami memulakan hubungan kerjasama dengan UMS bagi projek ini.

5. Saya percaya ini bukan projek terakhir yang akan dijalankan bersama dengan UMS. Inshaallah UTeM telah merangka pelbagai program kerjasama bersama UMS pada masa akan datang dan kami sangat mengharapkan **kerjasama di antara dua buah universiti ini akan berterusan bukan sahaja dari aspek penyelidikan, tetapi juga dalam bidang akademik, pembangunan pelajar dan lain-lain.**

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

6. Sedikit maklumat berkaitan projek ini. Seperti yang kita ketahui, nasi yang berasal dari padi merupakan makanan

rugi di Malaysia. Antara yang menjadi aspek penting dalam penanaman padi adalah baja. Oleh itu, **menghasilkan baja padi secara lokal adalah suatu yang amat mustahak untuk dilakukan.**

7. Menerusi kaedah penghasilan protein yang diubahsuai (modified protein) daripada sumber makanan yang disintesis secara semulajadi oleh bakteria Lactobacillus, **sisia jerami padi boleh ditukar menjadi baja padi bernilai tinggi. Gabungan protein-mikrob ini telah berjaya dibangunkan oleh penyelidik di UTeM sejak tahun 2019.**

8. Hasil daripada penghasilan baja ini, **pengeluaran sehingga 30 peratus lebih tinggi telah berjaya direkodkan di tapak sawah di Johor, Melaka dan Kedah** menggunakan varieti padi jenis Malaysian Rice (MR) dan juga padi pulut. Hanya 500ml sebatian protein-mikrob ini diperlukan semusim untuk setiap petak sawah berkeluasan sehingga 1 ekar untuk menukar sisa jerami menjadi baja padi secara organik.

9. Secara testimoni, baja ini telah berjaya meningkatkan hasil tanaman dan juga menyingkat masa pengeluaran dengan kos yang lebih murah. Bukan itu sahaja, baja ini adalah

lebih mudah untuk digunakan dan juga mesra alam kerana dapat mengelakkan pembakaran jerami padi.

10. Walau bagaimana pun, **penyelidik di Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Mekanikal di UTeM kekurangan kakitangan dan juga peralatan untuk mengkaji secara saintifik** berkenaan dengan baja ini dengan lebih mendalam kerana kajian berkaitan pertanian dan keselamatan makanan ini bukan lah bidang kajian mekanikal. Hanya teknologi penghasilan protein-mikrob ini sahaja menggunakan falsafah kejuruteraan mekanikal yang digabungkan dengan ilmu daripada bidang bioteknologi.

11. UMS yang mempunyai fakulti makanan dan fakulti pertanian adalah rakan strategik yang berupaya menyelidik dengan lebih mendalam berkenaan dengan aspek keselamatan protein-mikrob ini kepada manusia dan juga alam sekitar.

PENUTUP

12. Saya mengharapkan kerjasama di antara UTeM dan UMS ini akan berjaya dan mengucapkan terima kasih kepada Prof. Datuk Dr. Kassim dan juga segala pihak yang terlibat dalam merealisasikan kerjasama ini. Terima kasih

juga kepada pihak UMS kerana telah menganjurkan majlis pada malam ini.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih

